

# Pengurusan Takmir dan Peranan dalam Pengimaranan Masjid dan Surau Negeri Perak

## [Takmir Management and The Role in Development Mosque and Surau of Perak State]

**BITARA**

Volume 5, Issue 2, 2022: 160-181

© The Author(s) 2022

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 9 Mei 2022

Accepted: 19 Mei 2022

Published: 30 Jun 2022

Muhammad Imran Ibrahim,<sup>1</sup> Mohd Nizam Sahad,<sup>1</sup> Mohd Faizal Abdul Khir<sup>2</sup>  
 & Saiful Azizi Abd Manap<sup>3</sup>

1 Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA. E-mail: nizamsahad@usm.my

2 Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak MALAYSIA.

3 Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Jabatan Agama Islam Perak, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jln Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

\* Corresponding Author: nizamsahad@usm.my

### Abstrak

Pengurusan adalah merupakan aspek penting dalam setiap organisasi. Pengurusan yang baik akan memastikan peranan sesuatu institusi dapat dilaksanakan dengan sempurna dan menghasilkan impak yang maksimum sejajar matlamat yang dikehendaki. Objektif penulisan ini adalah bagi mengidentifikasi peranan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) melalui Unit Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk dalam pengimaranan masjid dan surau di negeri Perak. Ia menekankan kepada aspek pengurusan yang dilaksanakan bagi mengurus aktiviti pengimaranan masjid dan surau di negeri Perak melalui program takmir. Selain daripada itu, kajian ini mengetengahkan transformasi pencapaian program takmir di Perak. Bagi mencapai maksud ini, kaedah dokumentasi digunakan sebagai metodologi penyelidikan untuk mengumpul data dan metode analisis deskriptif digunakan untuk tujuan penganalisaan. Kertas ini dipecahkan kepada beberapa pecahan utama iaitu pendahuluan latar belakang, pengurusan takmir negeri Perak dan peranan takmir dalam pengimaranan masjid dan surau negeri Perak. Kajian ini mendapat bahawa pengurusan takmir dijalankan dengan struktur pengurusan yang teratur dan mempunyai peranan penting dalam pengimaranan masjid dan surau di negeri Perak.

**Kata kunci:** Pengurusan, Takmir, Pengimaranan masjid Perak, Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah, JAKIM dan JAIPk

### Abstract

Management is an important aspect in every organization. Good management will ensure that the role of an institution can be implemented perfectly and generate maximum impact that in line with the desired goals. The objective of this writing is to identify the role of the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the Perak Department of Islamic Religion (JAIPk) through the Takmir Unit under the Mosque Management Division JAIPk in the development of mosques and suraus in the state of Perak. It emphasizes on the management aspects in managing the activities of mosques and suraus in the state of Perak through the takmir program. Apart from that, this study focuses on the achievements from the transformation of the takmir program in Perak. To achieve this purpose, the documentation method is been used as a sole methodology to collect data and the descriptive analysis method is utilised for the purpose of analysis data. This paper is divided into several main sections, namely the introduction, the management of takmir in the state of Perak and the role of takmir in the development of mosques and suraus in the state of Perak. This study found that the

management of takmir programme by JAKIM and JAIPk is carried out with an organized structural management and has an important role in the development of mosques and suraus in the state of Perak.

**Keywords:** Management, Takmir, Development of Perak mosque, administrative coordinator of the district mosque, JAKIM and JAIPk

**Cite This Article:**

Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad, Mohd Faizal Abdul Khir & Saiful Azizi Abd Manap. (2022). Pengurusan Takmir dan Peranan dalam Pengimaranan Masjid dan Surau Negeri Perak [Takmir Management and The Role in Development Mosque and Surau of Perak State]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 160-181.

## Pengenalan

Falsafah di sebalik program Takmir Masjid dan Surau merupakan usaha berterusan ke arah memperkasakan ilmu berkaitan ajaran Islam kepada masyarakat umum dan merubah sikap masyarakat dalam menghayati Islam secara komprehensif untuk mencapai kejayaan juga kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat. Ia memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan masyarakat melalui medium masjid dan surau (Bahagian Dakwah JAKIM 2021).

Sehubungan dengan itu, secara ringkasnya latar belakang program Takmir Masjid dan Surau adalah suatu program keilmuan Islam di masjid-masjid, surau-surau dan tempat-tempat tertentu yang dibenarkan oleh Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri dengan peruntukan kewangan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Secara asasnya ia menguruskan kelas pengajian pelajaran agama Islam secara tidak formal (Maziahtusima Ishak, Mohd Mursyid Arshad et.al 2021) di masjid-masjid dan surau-surau yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia melalui penyelarasan dan pembiayaan kewangan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM). Ia berbeza dengan kelas pengajian formal di sekolah dan lain-lain pusat pengajian (Nurul Husna Mansor et.al 2011). Pendidikan formal ialah guru mempunyai sijil latihan khas dari kursus perguruan. Pelajar tertumpu kepada golongan remaja dan belia mestilah mendaftar dan kehadiran setiap mereka wajib diambil. Buku teks juga perlu ditetapkan oleh Jabatan. Selalunya diadakan di dalam kelas atau bilik-bilik yang dikhususkan (Khairani Binti Zakariya @ Abd. Hamid 2013). Manakala Pendidikan tidak formal lebih bersifat umum atau kuliah '*umumi*' yang kehadiran pendengar adalah terbuka kepada semua lapisan umur dan kehadiran tidak diwajibkan. Kuliah diadakan dalam dewan solat itu sendiri. Buku teks (kitab turath) tidak disediakan dan guru bebas memilih mana-mana buku teks mengikut enam mata pelajaran wajib iaitu Akidah, Fikah, Akhlak dan Tasawwuf, Sirah, Tafsir dan Hadith selagi mana tidak bertentangan dengan fatwa negeri dan pegangan ahli sunnah wal jamaah.

Program kelas pengajian takmir telah bermula sejak tahun 1985 hasil dari keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia (JKI) pada tahun 1984 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada masa itu. Pada awalnya program takmir masjid hanya melibatkan lima (5) buah negeri sahaja iaitu Pulau Pinang, Melaka, Selangor, Perlis dan Negeri Sembilan. Pada tahun 1986, program ini telah diperluaskan ke negeri Terengganu, Perak, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah. Diikuti oleh Kelantan pada

tahun 1987, Kedah pada tahun 1988 dan Wilayah Persekutuan pada tahun 1989 (Bahagian Kemajuan Islam,JAKIM 2012).

Banyak keutamaan yang ada pada masjid, setiap muslim khususnya kaum laki-laki wajib memakmurkan masjid-masjid Allah dengan berbagai ibadah dan ketaatan. Kini kaum wanita juga berperanan untuk menghidupkan pelbagai aktiviti baik keagamaan dan kemasyarakatan di masjid. Dan Allah menyifatkan orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid-Nya sebagai orang-orang mukmin, sebagaimana dalam firman-Nya maksud ayat:

“Hanyalah yang memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesiapa pun) selain kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan orang yang mendapat petunjuk.” (QS. at-Taubah 9:18)

Pengimaranah bukan sahaja menumpukan ibadah solat lima waktu dan solat dua hari raya, ianya meliputi dari pelbagai aktiviti yang melibatkan peranan utama imam, bilal, siak, jawatankuasa masjid, guru tauliah, Guru Takmir, Guru Dakwah, Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) dan lain-lain. Justeru, konsep pengimaranah adalah luas dari kebiasaan amalan dan pemikiran masyarakat. Ianya adalah perkara-perkara yang menjadikan masjid itu sebagai “*center of gravity*” atau pusat tarikan graviti untuk tumpuan pelbagai program dan aktiviti disamping ibadah tujuan ‘ubudiyah kepada Allah SWT semata-mata. Dalam hadith Rasulullah SAW maksudnya:

“Ada tujuh golongan yang Allah melindungi mereka dalam lindungan-NYA pada hari kiamat, di hari ketika tiada perlindungan selain perlindungan-NYA, iaitu; imam yang adil, pemuda yang sentiasa dalam beribadah kepada Allah, seseorang yang sentiasa mengingat Allah ketika bersendirian sehingga matanya berlinang, seseorang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid, dua orang yang saling mencintai kerana Allah, seseorang yang diajak berzina oleh wanita bangsawan dan rupawan, namun ia menjawab; ‘Saya takut kepada Allah’, serta seseorang yang bersedekah secara sembuni-sembuni, sehingga tangan kirinya tidak tahu terhadap amalan tangan kanannya.” (HR. Al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah r.a).

Perkara ini termasuklah program pengajian takmir dimana sebahagian guru-guru agama yang mempunyai tauliah mengajar negeri Perak akan mengimarahkan masjid/ surau dengan kelas pengajian di mana peruntukan elau mengajar diberikan oleh Kerajaan Pusat melalui JAKIM. Seterusnya JAKIM menyalurkan kepada negeri melalui Majlis Agama Islam Dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tujuan pusat pembayaran elau mengajar kepada guru Takmir(Unit Takmir JAIPk 2020).

## Pentadbiran Takmir Negeri Perak

Di semenanjung Malaysia Takmir Perak adalah merupakan sebuah unit besar dalam operasi persekutuan di negeri. Organisasi unit ini terdiri dari seorang pegawai penyelaras negeri, seorang pembantu, 17 orang penyelaras daerah dan 314 orang guru takmir seluruh daerah. Kumpulan ini bekerja dan bergerak di akar umbi serta lapangan untuk menyampaikan risalah dakwah mengenai kecantikan Islam yang sifatnya rahmat ke seluruh alam. Justeru mereka ini pada siang dan malamnya bergerak ke segenap pelusok mengimarahkan masjid dan surau menyampaikan ilmu agama menifestasi kepada pendidikan sepanjang hayat bagi umat Islam (Unit Takmir JAIPk 2021).

Allah SWT menyifatkan orang yang bekerja dalam kumpulan sebagai satu binaan yang tersusun kukuh dan mereka adalah golongan yang disukai oleh-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Saff 61:4 maksud ayat: "Sesungguhnya Allah sukakan orang-orang yang berjuang di jalan-Nya dalam barisan seolah-olah satu binaan yang tersusun kukuh".

Menurut Ust. Nurazmallail bin Marni dan Ahmad Kilani bin Mohamed dalam kajian mereka menyatakan frasa 'satu binaan yang tersusun kukuh' bermaksud satu organisasi yang luas diikat dengan kesatuan dan kekuatan, sebahagian memperteguhkan sebahagian yang lain dengan caranya yang tersendiri, dan seluruh organisasi itu umpama satu organ yang hidup dan lengkap (Marni, N., Mohamed, A. K., Jasmi, K. A. 2004).

Oleh itu, topik ini membincangkan tentang pengurusan takmir negeri Perak dalam pengimarahanaan masjid dan surau melalui pemerkasaan guru-guru takmir. Ia meliputi struktur pentadbiran, misi, visi, objektif dan personal pengurusan. Kesemua elemen ini diperteguhkan antara satu sama lain untuk memacu program pengimarahanaan Takmir Perak yang merupakan pendidikan untuk golongan berumur sasarannya ke satu tahap yang tinggi.

### a. Pentadbiran (Buku Panduan Takmir Malaysia)

Pentadbiran Takmir Negeri Perak adalah berdasarkan kepada buku Panduan Takmir Malaysia sebagai garis panduan dalam menjalankan program takmir di negeri. Ianya memberikan tatacara dan pelaksanaan yang menyeluruh bagi memastikan pentadbiran yang baik dan teratur dapat dilaksanakan antara persekutuan dan negeri (JAKIM 2012).

### b. Misi

Misi bagi pentadbiran Takmir negeri Perak mengambil pakai misi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), misi Jabatan Agama Islam Perak dan misi Bahagian Pengurusan Masjid JAIP. Misi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah:"menguruskan sistem pengurusan berkualiti dalam hal ehwal Islam bagi merealisasikan penghayatan Islam sebagai Ad-Din melalui penyelidikan, pendidikan dan penggunaan teknologi maklumat"(Laman web JAKIM 2018). Misi Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) pula ialah: "memantapkan perkhidmatan hal ehwal Islam dengan penjagaan maqasid syariah melalui pendidikan, pembudayaan, pengawalan di negeri Perak untuk melahirkan masyarakat khaira ummah" dan "melahirkan masyarakat Islam yang komited terhadap Masjid dengan mempelbagaikan aktiviti dan program

pengimaranan kepada seluruh masyarakat ke arah pembangunan masjid cemerlang". Manakala misi Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk ialah: "menjadikan Bahagian Pengurusan Masjid lebih teratur, cekap dan bersistematis (Laman Web JAIPk 2018).

### c. Visi

Visi bagi pentadbiran Takmir negeri Perak mengambil pakai visi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), visi Jabatan Agama Islam Perak dan visi Bahagian Pengurusan Masjid JAIP. Visi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah: "*berperanan sebagai sebuah "Agensi Pusat" yang unggul dalam menguruskan hal ehwal Islam ke arah melahirkan ummah yang progresif dan berakhhlak mulia*". VISI Jabatan Agama Islam Perak pula ialah: "*menjadi institusi pengurusan hal ehwal Islam yang cekap dan unggul di Malaysia.*" Manakala visi Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk ialah: "*mewujudkan struktur organisasi yang berkesan serta melahirkan Para Pegawai dan Kakitangan Masjid yang terlatih dan bermaklumat*".

### d. Objektif

Secara asasnya Rancangan Takmir Masjid dan Surau merupakan sebahagian dari rancangan dan aktiviti Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri dengan kerjasama JAKIM. Rancangan ini mula diperkenalkan pada pertengahan tahun 1985 (Persidangan Kedua DUN Perak 2016). Di antara objektif yang digariskan dalam Rancangan Takmir Masjid dan Surau ialah:

1. Menyebarluaskan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam kepada masyarakat dalam usaha untuk melahirkan anggota masyarakat yang bertakwa dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.
2. Memberantas ajaran-ajaran yang menyeleweng dan sesat.
3. Menghidupkan masjid-masjid dan surau-surau sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan Islam dan menghayati ajarannya.
4. Mengetengahkan tokoh-tokoh agama yang berwibawa sebagai benteng perpaduan dan ketahanan umat serta mencantohi perjuangan mereka.
5. Mengimarahkan masjid dengan pengisian ilmu, solat berjemaah dan menjadikannya sebagai pusat pendidikan pembangunan masyarakat yang seimbang.
6. Menjadikan masjid sebagai lambang perpaduan ummah, tempat menyelesaikan permasalahan masyarakat dan syiar keagungan Islam.
7. Menyampaikan maklumat, ilmu pengetahuan dan kefahaman Islam bagi merealisasikan hasrat wawasan negara dan harapan ummah (JAKIM 2007).

### e. Carta Pentadbiran - Takmir Perak

Pentadbiran Takmir Negeri Perak meliputi:

1. Pegawai Penyelaras Takmir Negeri – 1 orang

Taraf jawatan adalah tetap dan merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam dari Cawangan Pengurusan Masjid, Bahagian Dakwah JAKIM. Bermula tahun 2016 jawatan Pegawai Penyelaras Takmir Negeri telah dinaikkan tarafnya dari S41 kepada pos fleksi iaitu S41/S44. Dalam peraturan 7 perkara 4 Pentadbiran Program Takmir di Negeri ceraian 1 Pegawai Penyelaras Takmir negeri JAKIM bertanggungjawab menempatkan seorang pegawai di tiap-tiap Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis untuk menjalankan tugas sebagai Pegawai Penyelaras Takmir Negeri.

Tugas utama Pegawai Penyelaras Takmir adalah seperti berikut (i) Merancang dan Menyelaras semua Program Takmir Masjid dan Surau yang dilaksanakan di peringkat negeri, daerah dan kawasan; (ii) Sebagai Pegawai Perhubungan JAKIM dengan pihak Berkuasa Agama Islam Negeri dalam semua perkara berkaitan dengan Program Takmir; (iii) Mengurus pembayaran elaun mengajar kepada guru-guru takmir (iv) Mengurus peruntukan kewangan yang diberikan oleh JAKIM untuk Program Takmir mengikut keputusan Jawatankuasa Dasar Peringkat Pusat; (v) Menjadi Setiausaha bagi Jawatankuasa Penyelaras dan Perlaksanaan Peringkat Negeri; (vi) Menguruskan tauliah dan kebenaran mengajar daripada pihak berkuasa negeri untuk Guru Takmir; (vii) Menyediakan laporan tahunan perjalanan Program Takmir secara keseluruhan; (viii) Mengendalikan latihan dan aktiviti untuk guru-guru takmir di peringkat negeri; (ix) Menjadi Setiausaha Panel Pemilihan Guru Takmir; dan (x) Memantau tugas-tugas PPMD khusus berkaitan program pengimaranan masjid (bayaran imbuhan imam dan takmir).

Pegawai Penyelaras Takmir Negeri adalah bertanggung-jawab kepada Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Masjid/Dakwah/ Majlis. Pegawai berkenaan merupakan salah seorang kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis dan layak menerima segala kemudahan yang sama dinikmati oleh pegawai yang setaraf dengannya di negeri-negeri. Walau bagaimanapun gaji, elaun dan lain-lain bayaran wang yang layak atau kena dibayar kepada pegawai sebagai Pegawai Hal Ehwal Agama Islam JAKIM adalah ditanggung oleh JAKIM.

## 2. Pembantu Takmir 1 orang

Pembantu Perkeranian dan Operasi N19 (*Contract of Service*) bermula tahun 2016. Pada mulanya jawatan ini ialah N17 *Contract for Service* semenjak penubuhan program takmir di Malaysia.

Pembantu Takmir Pembantu takmir adalah kakitangan yang dilantik melalui proses temuduga dan dibayar elaun oleh JAKIM di mana Pegawai Penyelaras Takmir Negeri merupakan salah seorang panel penemuduga. Tugas Pembantu Takmir adalah seperti berikut: (i) Menaip dan menyediakan baucer-baucer bayaran elaun mengajar bagi guru-guru takmir;(ii) Membuat semakan terhadap tuntutan-tuntutan guru-guru takmir;

Bagi Peraturan 7 perkara 4 ceraian 6 kurungan roman (iii) – (iv) dan (vi) Menghantar baucer-baucer yang sudah siap disemak ke Akauntan Negara tiap-tiap bulan; (iv) Mengambil cek guru-guru takmir masjid/surau di Akauntan Negara dan kemudian merekodkannya serta berurusan dengan pihak bank bagi urusan 'bank in' bayaran tersebut ke akaun guru-guru takmir; (vi) Menyediakan laporan bulanan Flimsi perbelanjaan takmir untuk disahkan; tidak berlaku proses ini kerana Takmir Perak Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk menggunakan Tabung Amanah di Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Baucer-baucer yang sudah

siap disemak dan disahkan oleh Pegawai Penyelaras Takmir Negeri diserahkan ke Bahagian Kewangan MAIPk sebagai pusat pembayar. Dari MAIPk ianya akan terus di masukkan bayaran tersebut kepada akaun guru-guru takmir.

(v) Merekod dan membuat catatan peruntukan/ perbelanjaan takmir ke dalam buku vot perbelanjaan takmir; (vii) Menyemak dan mengemaskini jadual mengajar guru- guru takmir (viii) Menaip dan mengedar surat-surat permohonan cuti tanpa rekod untuk guru-guru takmir di jabatan berkenaan apabila menghadiri program-program peringkat negeri dan kebangsaan; (ix) Menaip surat-surat rasmi, kertas kerja, laporan mesyuarat Pegawai Penyelaras Takmir, laporan kursus, keputusan bengkel dan juga urusan temuduga pengambilan baru guru-guru takmir; (x) Merekod dan mengemaskini surat menyurat Bahagian Takmir Negeri; (xi) Merekod dan mengemaskini minit dan sistem fail takmir; (xii) Mengemaskini rekod-rekod Bahagian Takmir Negeri seperti biodata guru-guru takmir, laporan mengajar, persediaan mengajar, prestasi guru/sambutan kelas dan lain-lain; (xiii) Membantu Bahagian Takmir Negeri dan juga pengurusan takmir Pusat dalam urusan kursus-kursus, seminar, ijtimaik dan lain-lain aktiviti yang berkaitan; dan (xiv) Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

### 3. Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD)

Di semenanjung Malaysia, Perak adalah merupakan negeri paling ramai mempunyai PPMD iaitu sebanyak 17 orang yang mewakili 17 daerah besar dalam negeri. 17 orang ditempatkan di daerah Selama, Taiping, Kuala Kangsar, Lenggong, Hilir Perak (Teluk Intan), Tapah, Parit Buntar, Bagan Serai, Manjung, Kg Gajah, Batu Gajah, Ipoh, Muallim, Kampar, Seri Iskandar, Gerik/ Pengkalan Hulu dan Daerah terbaru Bagan Datuk. PPMD Hilir Perak membantu menjalankan tugas pengimaranan dan menyelia guru takmir di sini ketika jawatan PPMD masih kosong.


Jawatan PPMD pada mulanya berstatus “*Contract for Service*” iaitu tiada skim tertentu dan tiada kenaikan gaji tahunan serta perlu diperbaharui kontrak setahun ke setahun. Selalunya jawatan ini ditawarkan kepada pesara kerajaan. PPMD bertanggungjawab dalam menyelaras pentadbiran masjid-masjid dalam daerah berkaitan ahli jawatankuasa dan isu-isu masjid. Disamping memantau perjalanan takmir dan guru-guru takmir, mereka turut menyelaras pelbagai program dan aktiviti pengimaranan dan keagamaan dibawah Pegawai Tadbir Agama. Menurut Peraturan-peraturan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak Bahagian I Tafsiran muka surat 11: “Pegawai Penyelaras Masjid Daerah” ertinya pegawai lantikan Majlis yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab bagi membantu hal ehwal pentadbiran dan pengurusan masjid serta surau di dalam Negeri Perak(Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004).

Bermula tahun 2016 jawatan ini telah mendapat status “*Contract of Service*” iaitu mempunyai skim Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam iaitu S29 kontrak yang akan diperbaharui dua tahun sekali dan mendapat kenaikan gaji serta bonus tahunan. Kelulusan yang diperlukan ialah Diploma/ STPM/ STAM.

Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Perak pada tahun 2008 ditempatkan di Pejabat Baitulmal Daerah dibawah Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak namun begitu mereka membantu Pihak Berkuasa Agama Negeri atau Pejabat Agama Daerah / Jabatan Agama Islam Perak dalam mengurus dan menyelia hal ehwal pengurusan dan pengimaranan terutama

ahli jawatankuasa masjid bagi daerah di mana mereka dilantik. Bermula tahun 2018 PPMD diletakkan kembali dibawah pentadbiran JAIPk dengan ditempatkan di seluruh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) negeri Perak.

Carta pentadbiran Unit Takmir Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk adalah seperti berikut:



## f. Personal Pengurusan Takmir (Dasar Pengurusan dan Penyelaras)

Menurut buku garis Panduan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia JAKIM 2012 peraturan 7 iaitu Dasar Pengurusan dan Penyelaras telah menjelaskan dengan terperinci akan bagaimana program takmir ini dapat diimplementasikan dari peringkat pusat ke negeri. Dalam peraturan 7 perkara 1 telah menyatakan semua urusan pengurusan dan pelaksanaan program kelas pengajian takmir masjid dan surau adalah di bawah nasihat dan penyeliaan dua jawatankuasa seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Dasar Peringkat Pusat;
- (ii) Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan Peringkat Negeri;

Peraturan 7 perkara 2 telah menerangkan maksud peranan Jawatankuasa Dasar Peringkat Pusat dalam ceraian 1 Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia adalah bertindak sebagai Jawatankuasa Dasar di peringkat Pusat. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun.

Ceraian 2 kurungan roman i-v pula telah menghuraikan dan menerangkan fungsi jawatankuasa ini adalah seperti berikut: (i) Menentukan dasar berkaitan pelaksanaan program takmir masjid/surau; (ii) Meluluskan sukatan pelajaran dan buku-buku teks kelas pengajian takmir; (iii) Menimbang dan meluluskan keperluan perjawatan serta kelas pengajian dan

anggaran perbelanjaan tahunan; (iv) Menilai maklum balas mengenai prestasi kelas takmir di negeri-negeri; (v) Memaklumkan hasil mesyuarat kepada Persidangan Ketua-Ketua Jabatan dan Persidangan Pengerusi- Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Negeri.

Ceraian 3 kurungan roman i-xii dalam garis panduan ini menyatakan ahli-ahlinya mesyuarat jawatankuasa terdiri daripada: (i) Pengerusi Ketua Pengarah JAKIM (ii) Timbalan Pengerusi Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) (iii) Setiausaha Pengarah Bahagian Kemajuan Islam (BKI) JAKIM (iv) Wakil Jabatan Perdana Menteri (v) Wakil Perbendaharaan Malaysia (vi) Wakil Jabatan Akauntan Negara Malaysia (vii) Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (vii) Wakil Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri (ix) Pengarah Bahagian Undang-Undang JAKIM (x) Pengarah Bahagian Kewangan JAKIM (xi) Pengarah/Pesuruhjaya Jabatan Agama Islam Negeri/ Timbalan Yang Di Pertua Majlis (xii) Pegawai-pegawai Penyelaras Takmir Negeri ditambah ceraian 4 Bahagian Kemajuan Islam JAKIM menjadi urusetia kepada jawatankuasa ini.

Secara umumnya, staf-staf lantikan yang mempunyai perkaitan dengan program ini yang bernaung di bawah Bahagian Kemajuan Islam JAKIM adalah seperti berikut (Sesi Khas Bersama Kepimpinan Bahagian Kemajuan Islam 2016):

1. Pegawai Penyelaras Takmir Negeri : 12 orang
2. Pembantu Takmir : 14 orang
3. PPMD : 171 orang
4. Guru Takmir : 3,950 orang
5. Penyelia KAFA : 345 orang
6. Guru KAFA : 31,000 orang
7. Imam (RM850) : 14,254

Manakala data terkini yang diperolehi ialah(Cawangan Pengurusan Masjid JAKIM 2022):

1. Pegawai Penyelaras Takmir Negeri : 14 orang
2. Pembantu Takmir : 14 orang
3. PPMD : 173 orang
4. Guru Takmir : 5,000orang
5. Imam (RM850) : 14,373

Negeri yang tidak mempunyai Pegawai Penyelaras Takmir Negeri ialah negeri Kedah dan Johor.

Dalam peraturan 7 perkara 3 pula telah menjelaskan keanggotaan, fungsi dan peranan Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan Program Takmir Peringkat Negeri. Keanggotaan jawatankuasa ini adalah seperti berikut: (i) Pengerusi Pengarah/ Pesuruhjaya Jabatan Agama Islam Negeri/ Yang Di Pertua/Timbalan Yang Di Pertua (ii) Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan (ii) Jabatan Mufti Negeri (iv) Pegawai Tadbir Agama Daerah/Pegawai Agama Islam Masjid dan Surau/Dakwah JAIN Bahagian (v) Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (vi) Wakil Persatuan Pegawai Masjid Negeri (vii) Pegawai Penyelaras Takmir Negeri sebagai Setiausaha (vii) Lain-lain ahli yang difikirkan sesuai oleh pihak Berkuasa Agama

Negeri (ix) Unit Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid/surau JAIN bertindak sebagai urusetia jawatankuasa ini.

Jawatankuasa ini hendaklah diperakui oleh pihak berkuasa Agama Negeri dan akan bersidang sekurang-kurangnya juga sekali setahun.

Fungsi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut: Mengesahkan pemilihan tenaga pengajar untuk dilantik dan diberi kebenaran mengajar dalam program takmir; (i) (ii) Mengesahkan perancangan dan memperakarkan masjid- masjid dan surau-surau yang hendak dimasukkan ke dalam program takmir berserta anggaran perbelanjaan; (ii) Menilai kemampuan dan kelemahan pelaksanaan program dari semasa ke semasa dan membuat cadangan penambahbaikan; (iv) Menyelaras pengurusan dan perlaksanaan program takmir pada keseluruhannya; (V) Menentukan Panel Penemuduga Guru Takmir; (vi) Menentukan proses pengambilan, penempatan dan pemberhentian guru takmir; (vii) Melantik Panel Pemilihan Guru Takmir yang dianggotai oleh:

- a. Pengerusi Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid/Dakwah JAIN.
- b. Setiausaha Pegawai Penyelaras Takmir Negeri.

Secara khusus guru takmir yang dilantik di negeri Perak beserta maklumat latar mereka adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Guru Takmir			Kelayakan		
		Lelaki	Perempuan	Ijazah	Diploma STAM	4 Sanawi/ Guru pondok	
1.	Bagan Serai	14	3	9	4		4
2.	Batu Gajah	8	3	6	3		2
3.	Gerik	10	2	4	2		6
4.	Hilir Perak	12	2	5	3		6
5.	Ipoh	38	6	32	10		2
6.	Kampar	9	2	5	3		3
7.	Kampong Gajah	6	2	2	3		3
8.	Kuala Kangsar	30	6	20	10		6
9.	Lenggong	8	2	5	3		2
10.	Manjung	22	3	17	5		3
11.	Parit Buntar	13	3	8	6		2
12.	Pengkalan Hulu	3	1	0	1		3
13.	Selama	7	1	4	2		2
14.	Seri Iskandar	15	4	12	3		4
15.	Muallim	8	2	5	3		1
16.	Taiping	35	5	26	7		7
17.	Tapah	11	1	6	4		2
<b>JUMLAH</b>		<b>262</b>	<b>50</b>	<b>166</b>	<b>72</b>		<b>58</b>

Jumlah yang dinyatakan di atas adalah bagi memenuhi keperluan masjid dan surau seluruh Perak seperti mana dalam jadual di bawah:

Daerah	Masjid			Surau			Bil. Kelas	Jajahan OBJ (Orang Besar Jajahan)
	Jum.	Diimarah	Belum Diimarah	Jum.	Diimarah	Belum Diimarah		
Bagan Serai	36	26	10	163	152	11	128	Kerian
Parit Buntar	31	23	8	124	72	52	128	
Taiping	63	42	25	163	39	124	248	Larut Matang & Selama
Selama	20	20	0	67	57	10	64	
Ipoh	68	44	25	187	72	115	336	Kinta
Batu Gajah	13	12	1	58	28	30	80	
Kampar	19	19	0	59	32	27	64	Kampar
Kampong Gajah	31	21	10	133	13	120	71	
Seri Iskandar	39	38	1	112	52	60	160	Perak Tengah
Kuala Kangsar	76	75	1	254	24	230	272	Kuala Kangsar
Teluk Intan	41	34	7	182	64	118	136	Hilir Perak
Tapah	26	21	5	117	36	81	104	Batang Padang
Gerik	28	26	2	50	22	28	96	
Lenggong	15	15	0	56	30	26	80	
Pengkalan Hulu	7	7	0	12	7	5	32	Hulu Perak
Muallim	20	14	6	53	26	27	80	Muallim
Manjung	49	40	9	115	15	100	160	Manjung
Bagan Datuk	41	36	5	143	20	123	128	Bagan Datuk
Jumlah	623	516	120	2048	761	1287	2367	

Jumlah (kouta) guru takmir di Perak adalah seramai 428 orang termasuk institusi, manakala pengisian semasa adalah seramai 312 orang (Pengarah JAIPk 2022). Pecahan guru-guru Takmir Perak mengikut jantina adalah seperti berikut:

- i. Guru lelaki : 84%
- ii. Guru perempuan : 16%

Pecahan guru-guru Takmir Perak mengikut pendidikan adalah seperti berikut:

- i. 4 Sanawi/ Guru Pondok : 20%
- ii. Diploma/ STAM : 24%
- iii. Ijazah : 56%

## **Peranan dalam Pengimaranan Masjid/ surau negeri Perak**

Topik ini memfokuskan tentang peranan yang dimainkan oleh takmir bagi tujuan pengimaranan masjid dan surau negeri perak.

### **Pengurusan Guru Takmir Perak**

Secara langsung, terkini program takmir di Perak adalah dibawah pertanggungjawaban Pegawai Hal Ehwal Islam S44 yang dikenali gelaran jawatannya ialah Pegawai Penyelaras Kanan Takmir Negeri Perak. Jawatan ini diperkenalkan sejak kemasukan program takmir ke Perak pada 1986. Pegawai Penyelaras Takmir Negeri Perak semenjak tahun 1986 adalah seperti berikut:

1. Ustaz Mohamed Fishal bin Ahmad – Tahun 1986 - 2001
2. Ustaz Anuar Hakim bin Mohd Salleh - Tahun 2002 - 2004
3. Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman– Tahun 2005 - 2008
4. Ustaz Muhammad Haniff bin Baderun –Tahun 2008 - 2015
5. Ustaz Muhammad Imran bin Ibrahim – Tahun 2016 -2022

Bagi tujuan pentadbiran jawatan ini dikenali sebagai Penolong Pengarah Kanan Takmir. Pegawai ini pula pada mulanya ditempatkan di Bahagian Khidmat Pengurusan JAIPk dan kemudiannya berpindah ke Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk hingga sekarang.

Di antara skop tugas Pegawai Penyelaras Takmir ialah:

1. Menyelaras pelaksanaan pengajian dan program Takmir masjid surau peringkat negeri
2. Mengurus dan menyelaras peruntukan kewangan bagi; pembayaran elauan Guru Takmir; dan Tuntutan elauan PPMD dan Pembantu Takmir
3. Mengurus dan menyelaras hal ehwal pentadbiran;
4. Mengurus dan menyelaras hal ehwal perkhidmatan ;
5. Mengurus dan menyelaras pengurusan rekod-rekod Takmir
6. Menjadi setiausaha / Ahli Jawatankuasa kepada Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan Takmir di peringkat negeri / pusat.
7. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa (JAKIM (2012) Panduan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia, Putrajaya: JAKIM, h. 8-9 dan Fail Meja Penyelaras Takmir)

Penyelaras Takmir disokong oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29 / Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah yang bertanggungjawab kepada Pegawai Agama Daerah / Penyelaras Takmir Negeri dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19 / Pembantu Takmir(Fail Meja Pegawai Takmir Perak 2015).

## **Peruntukan Kewangan**

Antara peranan utama pengurusan takmir adalah memastikan bahawa peruntukan kewangan bagi program guru takmir diuruskan dengan baik. Setiap tahun, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM36,432,000.00 bagi bayaran elaun guru takmir di seluruh negara dan peruntukan bagi negeri Perak sebanyak (agihan mengikut tahun). Bagi negeri Perak berikut agihan mengikut tahun:

2013: RM 2,365,500  
2014: RM 2,417,200  
2015: RM 2,463,500  
2016 : RM2,947,200.00

Bermula Januari 2011 elaun Guru Takmir seluruh negara telah dinaikkan daripada RM40 sekali mengajar kepada RM100 sekali mengajar dengan had maksimum kadar RM800 sebulan (Bajet Tahun 2011). Terkini tuntutan telah dinaikkan kepada RM900 sebulan. Kenaikan elaun tersebut merupakan pengiktirafan serta peningkatan imej Guru Takmir selaras dengan usaha kerajaan yang membela peranan golongan ini dalam menegak dan menyebarkan syiar Islam. Di samping itu, memakmurkan masjid berkait rapat dengan usaha membangunkan insan yang berkualiti sesuai dengan usaha membangunkan umat Islam dan maju selaras dengan proses transformasi.

## **Kod Etika Guru Takmir Perak**

Antara peranan utama pengurusan takmir adalah memastikan etika Guru Takmir yang dilantik selari dengan ketetapan resmi. Sehubungan dengan itu, pelancaran Kod Etika Guru Takmir Masjid Surau Negeri Perak telah disempurnakan pada hari Jumaat 17 November 2017 (Jumaat) oleh Sultan Perak, DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibn Al Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al Maghfurlah. Baginda telah berkenan mencemar duli melancarkan Modul Kod Etika Guru Takmir Perak yang julung kalinya diperkenalkan di negara ini.

Kod Etika Guru Takmir ini dilihat satu langkah ke hadapan dalam memandu arah guru-guru agar lebih bersedia dan mengangkat imej mereka sendiri. Ia juga selaras dengan matlamat Rancangan Takmir Masjid dan Surau untuk membentuk anggota masyarakat dan umat yang berilmu, beriman dan bertakwa serta bertanggungjawab ke arah galakan melakukan yang makruf iaitu kebaikan dan menghindarkan diri dari melakukan kemungkaran.

Justeru Jabatan Agama Islam Perak dengan inisiatif yang berterusan berjaya mewujudkan kod etika yang pertama di Malaysia bagi Guru Takmir. Ia adalah manifestasi Jabatan untuk terus meningkatkan profesionalisme guru takmir itu sendiri di mata

masyarakat. Guru Takmir merupakan sumber rujukan oleh masyarakat perlu mempersiapkan diri dengan segala bentuk persediaan dan persiapan. Garis panduan ini diharap akan dapat meningkatkan kualiti guru dan pengajaran program takmir itu sendiri. Kod ini dijangka akan dapat memandu arah kepada guru dalam merealisasikan falsafah program pengimaranan itu sendiri. Kod etika Guru Takmir negeri Perak dibahagikan kepada tujuh kluster utama iaitu :

1. Kod Etika Prinsip
2. Kod Etika Pencegahan Dan Disiplin
3. Kod Etika Memelihara Maruah Profesjon
4. Kod Etika Mengelakkan Berlaku Konflik
5. Kod Etika Penyampaian
6. Kod Etika Pengurusan Pengajaran
7. Kod Etika Personaliti

## **Pemerkasaan Guru Takmir**

Pelbagai program dilaksanakan bagi memperkasakan guru takmir. Sebagai contoh pada tahun 2017 sejumlah program dilaksanakan seperti berikut:

Bil	Program / Aktiviti	Tarikh	Tempat	Peserta
1.	Tafaqquh Fiddin Perdana Guru Takmir Zon B tahun 2017	15 Ogos 2017 (Selasa)	INTIM	Guru Takmir Daerah Zon B
2.	Bengkel Pemupukan Bakat dalam Penulisan Artikel Dakwah dalam Kalangan GT Siri 2/2017	30 Ogos 2017 ( Rabu )	Hotel Seri Warisan Taiping	Guru Takmir
3.	Multaqa Murabbi Ummah Peringkat Negeri Perak Tahun 2017	30 Mei 2017 (Selasa)	Dewan Jubli Perak Kuala Kangsar	Guru Takmir, Pegawai Masjid dan AJK Masjid
4.	Program Tafaqquh Fiddin Perdana G.T Zon Utara di Langkawi	4 – 5 Oktober 2017	Hotel Grand Continental	Guru Takmir Langkawi
5.	Tafaqquh Fiddin Guru Takmir daerah Manjung, H.Perak, Tapah dan Kg. Gajah	16 November 2017 (Khamis)	PAID H. Perak	Guru Takmir
6.	Pelancaran Modul Takmir dan Kod Etika Guru Takmir Perak	17 November 2017 (Jumaat)	INTIM	Guru KAFA, Tahfiz dan Guru Takmir

7. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir daerah Hulu Perak siri 4/2017 27 November 2017(Isnin) PAID Gerik Guru Takmir Daerah Gerik, P. Hulu dan Lenggong

Bagi tahun 2018-2021, perancangan pemerkasaan Guru Takmir dan mempertingkatkan lagi aktiviti pengimaranan melalui jaringan adalah seperti berikut:

Bil	Program / Aktiviti	Peserta
1.	Pelancaran 5 buah Buku Dakwah Kolaborasi dengan Dewan Bahasa Pustaka (DBP) kepada Kumpulan Penulis Guru Takmir Perak JAIPk	Guru KAFA, Tahfiz dan Guru Takmir
2.	Penyelidikan Luar: Kajian Kolaborasi USM bertajuk Analisis Faktor Remaja ke Masjid: Suatu Kajian pengimaranan di daerah Kinta ( Ipoh dan Batu Gajah ) Perak Darul Ridzuan	PPK Takmir, PPMD Perak & Guru Takmir
3.	Pelancaran Kitab Hadith Peperangan Rasulullah SAW	Guru KAFA, Tahfiz dan Guru Takmir
4.	Mengurus dan menyelaras perkembangan program-program takmir Tafaqquh Fiddin Guru Takmir masjid peringkat daerah	Guru KAFA, dan Guru Takmir NBOS
5.	Mengurus dan menyelaras program-program takmir Tafaqquh Fiddin Perdana Guru Takmir peringkat Negeri	Guru Takmir Perak (NBOS dengan INTIM)
6.	Program pengimaranan masjid dan surau dengan kerjasama agensi kerajaan / swasta / organisasi bukan kerajaan / pertubuhan sukarela	Kolaborasi bersama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin Putrajaya, Institut Pemantapan Dan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM) JAKIM, All Bikers Motor Club Malaysia (NGO bawah JAKIM)
7.	Menyelaras dan mengemaskini Data Sistem Maklumat Imam, Guru Takmir dan Masjid (SISMIM) dan unit takmir BPM JAIPk di daerah	PPMD Perak dengan kerjasama JAKIM dan Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk)
8.	Kursus Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD)	Kursus Induksi & Peningkatan Profesionalisme PPMD Perak di Murni Camp Kg Jahang Gopeng Perak.
9.	Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Kg. Gajah, Manjung dan Seri Iskandar Siri 1/2019	PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
10.	Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Tapah, Muallim dan Kampar Siri 1/2019	PPKT, PTAD, PPMD, dan Guru Takmir

11. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Kg. Gajah, Manjung dan Seri Iskandar Siri 2/2019 PPKT, PTAD, PPMD, dan Guru Takmir
12. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Kuala Kangsar, Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu Siri 1/2019 PPKT, PTAD, PPMD, dan Guru Takmir
13. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk Siri 2/2019 PPKT, PTAD, PPMD, dan Guru Takmir
14. Kursus Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Siri 3/2019 Guru Takmir, PPKT dan PPMD
15. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Parit Buntar dan Parit Buntar Siri 1/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
16. Bengkel Modul Remaja Masjid Perak Pensyarah USM, PPMD & PPKT
17. Muzakarah Guru Takmir Negeri Perak tahun 2019 PTAD, PPMD & Guru Takmir
18. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Tapah, Muallim dan Kampar Siri 2/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
19. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Hilir Perak & Bagan Datuk Siri 3/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
20. Program Ijtimak Guru Takmir Perak PPKT, PPMD dan Guru Takmir
21. Kursus Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Siri 5/2019 Guru Takmir, PPKT dan PPMD
22. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Taiping Siri 2/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
23. Kursus Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Siri 6/2019 Guru Takmir, PPKT dan PPMD
24. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Hilir Perak & Bagan Datuk Siri 4/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
25. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Kg. Gajah, Manjung dan Seri Iskandar Siri 4/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
26. Kursus Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Siri 7/2019 Guru Takmir, PPKT dan PPMD
27. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Taiping Siri 3/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
28. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Kuala Kangsar, Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu Siri 3/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
29. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Kuala Kangsar, Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu Siri 4/2019 PPKT, PTAD, PPMD & Guru Takmir
30. Tafaqquh Fiddin Perdana Guru Takmir Zon Utara tahun 2019 Guru Takmir, PPKT dan PPMD

31. Kursus Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Siri 9/2019 Guru Takmir, PPKT dan PPMD
32. Tafaqquh Fiddin Guru Takmir Daerah Tapah, Muallim, Kampar, Hilir Perak dan Bagan Datuk Siri 4/2019 Guru Takmir, PPKT dan PPMD
33. Bengkel Fiqh Masjid Jabatan Agama Islam Perak bersama AF Us. Ahmad Fauwaz bin dato' Fadzil Noor KPP BPM, PPK Takmir, PPK Kariah, PTA Ipoh, Guru Fuqahak dan PPMD
34. Bengkel Pemurnian Manuskip DBP kepada Kumpulan Penulis Guru Takmir Perak tahun 2019 Guru Takmir, PPKT dan DBP
35. Program Kembara 'Geng Usrah' Bagi Program TV RTM Guru Takmir Daerah Ipoh:  
1. Us Tn Hj Asyraf Ismail  
Ustazah Hajjah Salmiah Sabran
36. Bengkel Pemurnian Deraf Penulisan Kedua Oleh Dewan Bahasa Pustaka (DBP) & USM Kepada Kumpulan Penulis Guru Takmir Negeri Perak Guru Takmir Perak:  
1. Us Syed Shariman – Guru Takmir Batu Gajah  
2. Us Amir Sufrilnizam – Guru Takmir Ipoh  
Ustaz Akmal – Guru Takmir Tapah
37. Muzakarah Guru Takmir Peringkat Daerah Tapah Perak 2020 dan Pelancaran Takmiris Q&R Code Guru Takmir Daerah Tapah
38. Program Tafaqquh Fiddin Perdana Guru Takmir Peringkat Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah & Perlis) 2020 Guru Takmir Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis
39. Pelancaran Modul Remaja Al-Ridzuan (Remaja Masjid Perak) Modul dengan 6 tajuk dirangka sebagai panduan yang holistik membentuk remaja cinta masjid di Perak Menteri Besar Perak, Exco Kerajaan Negeri Perak, Ketua-ketua jabatan, Orang Besar Jajahan, Prof Madya Dr Mohd Nizam Sahad, PPMD Ipoh, Kg Gajah dan Kampar
40. Mesyuarat Penyelarasan Unit Takmir Bersama Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Negeri Perak. KPP BPM JAIPk, Pegawai Penyelaras Takmir, PPMD Perak dan Pembantu Takmir.
41. Jaulah Pengimaranan Masjid ke Masjid Negeri Perak 2020 Pegawai Penyelaras Takmir dan PPMD Perak.
42. Penaziran Berkala Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Perak PPMD Perak.
43. Kursus Profesionalisme Guru-guru Takmir Wilayah Persekutuan JAWI Guru Takmir dan PPMD Jabatan Agama Islam Wilayah
44. Bengkel Penyelarasan Sasaran Kerja Tahunan Bagi Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia Tahun 2020 Pegawai Penyelaras Takmir Perak dan Ketua PPMD Perak

45. Temuduga Pengambilan Guru Takmir Baharu Negeri Perak 2020 Kekosongan guru takmir negeri Perak berjaya diisi. Ahli Panel :  
1.KPP Bahagian Pengurusan Masjid  
2.Jabatan Mufti Perak  
3.Pegawai Tadbir Agama Ipoh  
4.PPK Takmir Perak.
46. Program Ijtimak Ilmuan Islam Perak Bersama Prof Dr Syeikh Ali Muhyiddin Al-Qarah Daghi, Setiausaha Agung Kesatuan Ulamak Muslimin Sedunia Guru-guru Takmir Perak, Guru Fuqahak Takmir Perak, Guru tauliah Jabatan Mufti Perak, Jabatan Pendidikan, Persatuan Ulamak Malaysia Cawangan Perak dan PPMD Perak.
47. Kursus Peningkatan Profesionalisme Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah PPMD Perak 2020 PPMD seluruh Malaysia.
48. Perkaderan Fuqahak Guru Takmir Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) Bil. 2/2020 Guru Takmir dan PPMD terpilih Perak,Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.
49. Persidangan Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak PPMD, Imam Daerah dan Pegawai Tadbir Agama Daerah Perak. Urusetia BPM JAIPk
50. Bengkel TOT Modul Remaja Al-Ridzuan JAIPk dengan kerjasama Agensi/Bahagian/Institusi tahun 2021 Guru Takmir, PPMD, Belia Masjid, JPN dan JBS
51. Muzakarah Guru Takmir Perak Sempena Seminar : Isu-isu Semasa Guru Takmir, PPMD dan PTAD
52. Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Kali Ke-2 Siri 8/2021 Guru Takmir Zon Utara
53. Program Penghasilan Penulisan E-Book JAIPk USM/Guru Takmir Zon Utara Tahun 2021 Guru Takmir, PPMD
54. Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Kali Ke-2 Siri 9/2021 Guru Takmir Zon Utara
55. Pemukiman Unit Takmir Bahagian Pengurusan Masjid, JAIPk Bersama Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) Tahun 2021 PPMD
56. Lajnah Pentashih dan Pembentangan Fiqah Pengurusan Masjid tahun 2021 Pegawai BPM, PTAD
57. Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Kali Ke-2 Siri 10/2021 Guru Takmir Zon Utara
58. Penulisan E-Book Guru Takmir Perak JAIPk tahun 2021 Guru Takmir, PPMD
59. Aplikasi Infografik dalam Dakwah E-Bokk Guru Takmir Peringkat Zon Utara tahun 2021 Guru Takmir Zon Utara, PPMD

- |  |   |
|--|---|
| 60. Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Kali Ke-2 Siri 11/2021   | Guru Takmir Zon Utara                           |
| 61. Liqa' Guru Takmir Fuqahak dan E-Book Guru Takmir Jabatan Agama Islam Perak   | Guru Takmir Fuqahak, Guru Takmir dan PPMD       |
| 62. Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Kali Ke-2 Siri 12/2021   | Guru Takmir Zon Utara                           |
| 63. Perkaderan Fuqaha Guru Takmir Zon Utara Kali Ke-2 Bulan Disember 2021  | Guru Takmir Zon Utara                           |
| 64. Mesyuarat Penyelarasan Kuota Guru Takmir di Institusi Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) tahun 2022 | Penjara, JKM, AADK, Jabatan Mufti dan Staff BPM |
- 

## **Pemantauan Guru Takmir**

Antara peranan utama yang dimainkan oleh pengurusan guru takmir ialah dari sudut pemantauan. PPMD akan melakukan pemantauan sebanyak 8 kali dalam sebulan sebagaimana arahan yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Ia menggunakan Borang Penilaian Standard Guru Takmir Malaysia yang dipecahkan kepada tiga komponen utama iaitu A-Maklumat Guru Takmir, B- Kluster Amalan Pengajaran dan C- Kluster Personaliti. Kluster Amalan Pengajaran menilai aspek penyampaian pengajaran, pengurusan pengajaran dan penglibatan Jemaah(Bahagian Kemajuan Islam JAKIM 2018).

## **Pembinaan Modul Kurikulum Pengajian Takmir Negeri Perak**

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajian takmir, modul kurikulum pengajian takmir negeri Perak telah dibina. Sultan Perak, DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibn Al Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al Maghfurlah berkenan mencemar duli melancarkan Modul Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau yang julung kalinya diperkenalkan di negara ini. Pelancaran modul itu disempurnakan bersempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Islam Tahun 2017 yang diadakan di Dewan Saidina Abu Bakar, Institut Tadbiran Islam Perak (Intim).

Pembukuan dan Penerbitan Modul Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau yang pertama di Malaysia ini amat kena pada masanya dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan masyarakat dengan ilmu pengetahuan serta melahirkan masyarakat yang berthaqafah dan berintegriti serta menyanjung tinggi disiplin keilmuan selaras dengan tuntutan al Quran dan al Sunnah.

Semenjak awal tahun 2016, sebuah jawatan kuasa yang dikenali sebagai Lajnah Penggubal Modul Kurikulum Pengajian Takmir Perak telah dibentuk. Lajnah yang diketuai oleh Pengarah JAIPk sendiri dan diurussetiakan oleh Unit Takmir Bahagian Pengurusan Masjid JAIPK telah bertungkus lumus untuk menyiapkan modul yang pertama seumpamanya di negeri Perak khasnya dan Malaysia amnya. Ahli-ahlinya terdiri dari Pegawai Tadbir Agama, guru

takmir, imam dan kakitangan JAIPk yang mempunyai kelayakan dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing. Turut sama dalam lajnah tersebut ialah SS Tn Hj Zamri Hashim Timbalan Mufti Jabatan Mufti Perak sebagai pentashih modul ini.

Modul ini berpandukan kepada buku Kurikulum Pengajian Takmir Masjid dan Surau oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai satu garis panduan umum dalam merangka isi kandungan pengajaran yang sudah tentu tidak lari dari ajaran Ahli Sunah Waljamaah.

Transformasi sistem pengajaran di masjid dan surau iaitu secara bacaan berkitab kepada mengikut modul yang mengandungi sukatan pelajaran dan jangka masa untuk dihabiskan oleh 314 orang guru takmir negeri Perak dijangka dapat memberi impak yang besar dan menarik ramai Jemaah untuk menghadiri kelas pengajian takmir di masjid surau seluruh negeri Perak. Fokus diberikan kepada enam subjek teras utama iaitu Akidah, Tafsir, Hadith, Fiqah, Sirah dan Akhlak Tasawuf. Ianya merangkumi keperluan spiritual dan jasmani insan untuk mencapai kehidupan berkualiti dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

## **Penambahbaikan Program Takmir**

Beberapa bentuk penambahbaikan dilakukan bagi memastikan program takmir terus mampu memberikan impak maksimum kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu beberapa aktiviti dilakukan antara lain kajian keberkesanan program takmir dan penambahan peruntukan.

Antara program penambahbaikan program ini adalah melalui kajian yang dilakukan. JAKIM telah membuat kajian keberkesanan pembelajaran program Takmir namun hanya difokuskan ke Zon Timur. Daripada kajian yang dijalankan di zon Timur, dapat disimpulkan antaranya keberkesanan program takmir terhadap masyarakat Islam khususnya di luar bandar dapat memperteguhkan pegangan Ahli Sunah Waljamaah dan terhindar dari pengaruh ajaran sesat dan ideologi ekstrem. Sehubungan dengan itu, JAKIM dalam perancangan untuk meluaskan kajian tersebut ke semua negeri secara berperingkat-peringkat. Manakala kerajaan negeri Perak sedang merangka satu kajian keberkesanan program Takmir ini yang akan dibuat dalam masa terdekat.

Di samping itu, kerajaan pusat sentiasa prihatin terhadap setiap usaha untuk terus memartabatkan Islam di negara ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan kenaikan elaun guru takmir telah dilaksanakan pada tahun 2011 di mana kadar RM40 sekali mengajar dinaikkan kepada RM100 sekali mengajar untuk tempoh 1 jam. Walau bagaimanapun, semakan terhadap kadar elaun yang ditetapkan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan. Terkini seorang guru takmir boleh menuntut maksimum 9 kali sesi pengajaran bersamaan RM900.00 sebulan.

## **Kesimpulan**

Didapati bahawa pengurusan takmir di negeri Perak mempunyai peranan yang besar dalam pengimaranan masjid dan surau negeri Perak seterusnya mendidik masyarakat secara konsisten. Takmir Perak merupakan kumpulan yang tersusun dan menuju aspirasi dari penubuhan program ini sendiri. Buktinya Perak muncul sebagai negeri pertama di Malaysia yang

menyediakan Modul Kurikulum Pengajian Takmir Negeri Perak dan Kod Etika Guru Takmir Perak. Bermula dari pengurusan sumber kewangan hingga kepada sumber tenaga manusia yang ada dalam program ini gerak kerja pengimaranan di Perak yang berterusan dapat diurus dan dijanakan semaksimum mungkin. Justeru tuntutan bekerja dalam kumpulan dan menguruskannya dengan sebaik mungkin akan mendapat rahmat daripada Allah SWT juga. Nabi SAW bersabda yang maksudnya; “Hendaklah kamu berada dalam jamaah (kumpulan), kerana sesungguhnya berjamaah itu adalah rahmat, sedang perpecahan itu adalah azab” (riwayat Muslim) (Al-Lu’lu’ Lil Mukminin 2012). Pengurusan program ini pula dilakukan dengan sistematik melalui instrumen pentadbiran standard.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran Fundamental Research Grant Scheme berjudul “Model Infak Bersepadu (MIB) Antara Masjid dan Kelompok Asnaf Terpilih” dengan kod rujukan FRGS/1/2021/SSIO/USM/02/21.

## Rujukan:

- Bahagian Kemajuan Islam JAKIM.2018. Borang Penilaian Standard Guru Takmir Malaysia JAKIM.
- Bajet 2011 YAB Perdana Menteri. 2010. Pembentangan Bajet 2011 pada 15 Oktober 2010 mengumumkan kenaikan bagi elauan guru Takmir masjid/ surau seluruh negara daripada RM40.00 sekali mengajar kepada RM100.00 sekali mengajar dan had maksimum dengan kadar RM800.00 sebulan. Diikuti surat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat kepada JAKIM bilangan KK/BP/DS(S)10/222/19/1(SK3/2009)(9) menyatakan kenaikan bermula Januari 2011.
- Data Cawangan Pengurusan Masjid. 2022. Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM Tahun 2022 yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Kemajuan Islam (BKI) JAKIM.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak. 2004. Peraturan-peraturan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak Bahagian I Tafsiran hlm 11
- Fail Meja Penyelaras Takmir Negeri Perak.2015. Disokong oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29 / Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2012. Panduan Program Takmir Masjid Dan Surau Seluruh Malaysia, Bahagian Kemajuan Islam JAKIM-Cetakan tahun 2012
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.2021.Garis Panduan Program Takmir Masjid dan Surau Seluruh Malaysia (Semakan Keenam Tahun 2021), Cawangan Pengurusan Masjid, Bahagian Dakwah JAKIM.
- JAKIM. 2007. Kurikulum Kelas Pengajian Takmir Masjid dan Surau Malaysia: Bahagian Keluarga, Sosial dan Masjid(KESUMA) JAKIM Putrajaya, h. 5.
- Khairani Zakariya @ Abd. Hamid. 2013. Institusi Surau Sekolah Dalam Pembangunan Akhlak Remaja: Suatu Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Berasrama Aliran Agama Di Negeri Kedah Darul Aman. Tesis P.h.d Universiti Sains Malaysia. h. 92-134

- Laman Web JAIPk. 2018. <http://jaipk.perak.gov.my/maklumat-korporat/jaipk-profil-jabatan/visi-misi-dan-objektif>. Diakses pada 3 Oktober 2018.
- Laman Web JAKIM. 2018. <http://www.islam.gov.my/jakim-cawangan-sabah/697-visi-misi-objektif-fungsi-dan-piagam-pelanggan>. Dicapai pada 3 Oktober 2018.
- Marni, N., Mohamed, A. K., Jasmi, K. A. (2004). Pembangunan Sifat Bekerja dalam Kumpulan (Teamworking) sebagai Atribut Utama Graduan IPT: Huraianya Menurut Perspektif Wahyu in Seminar Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia 2005 at Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru, Johor, on Februari 2005, pp 1-12.
- Maziahusima Ishak, Mohd Mursyid Arshad, Fatiyah Mohd Fakhruddin, Ismi Ariff Ismail, Hayati Ismail, Sakinah Ahmad, Siti Rosilawati Ramlan, Hazlina Abdullah, Noor Saazai Mat Saad & Sarifah Nurhanum Syed Sahuri. 2021. Tinjauan Tahap Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemungkinan Perubahan Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani Melalui Kaedah Pendidikan Islam Tidak Formal : A Review of the Role Performance Level of Islamic Education Teachers as Catalysts for Change Towards the Development of Madani Society Through Non-Formal Islamic Education Methods. *Sains Insani*, 6(1), 25-34. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.229>
- Mohd Nizam Sahad, Suhaila Abdullah, Muhammad Imran Hj Ibrahim, Narimah Samat, Shamsul Rijal Muhammad Sabri. (2019). Modul Remaja al-Ridzuan. Terbitan Unit Takmir Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak. Kerjasama JAIPk-USM melalui Geran Penyelidikan (304/PHUMANITI/650937/J133)
- Nurul Husna Mansor, Nursyazrin Nazee Mudeen, Siti Aishah Abu Bakar, Siti Nor Shuhada Mohamad, Fakhrul Adabi Abdul Kadir dan Mohd Afifuddin bin Mohamad. 2011. Pembangunan Potensi Remaja Melalui Institusi Masjid: Satu Tinjauan Di Lima Buah Masjid Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Conference: Seminar Pembangunan MasjidAt: Universitas Islam Negeri Ar-Raniry.
- Pengarah JAIPk. 2022. Teks Ucapan Aluan Sempena Ijtimak Pemantapan Guru Takmir Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 Dewan Saidina Abu Bakar INTIM, Ipoh Perak Persidangan Kedua, Penggal Keempat, Dewan Negeri Ke-13. 2016. Jawapan Soalan Bertulis Adun Titi Serong, Perak: Tahun 2016
- Sesi Khas Bersama Kepimpinan Bahagian Kemajuan Islam (BKI). 2016. Moderator Tn Hj Mohd Ajib Ismail KPP Kanan, BKI. Panelis Puan Hjh Hakimah Mohd Yusoff Pengarah BKI, Puan Nor Hanim Abd Halim KPP Seksyen KAFA dan Puan Siti Rahmania Bachok KPP Seksyen Pengimaranan Masjid pada 1-2 November 2016 di Nouvelle Hotel Kuala Lumpur.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juz). 2021. Terbitan Darul Fikir KL dengan izin dan kawalan JAKIM. Cetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd Unit Takmir. 2020. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Takmir Negeri Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)
- Unit Takmir. 2021. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Takmir Negeri Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)
- Zulkifli Mohammad al-Bakri. 2012. *Al-Lu'lu' Lil Mukminin Permata Buat Orang Yang Beriman*. Jilid 1 & 2. Cetakan pertama 2012. Jabatan Agama Islam Perak Terbitan Pustaka Cahaya Kasturi.